

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MELETAK BATU ASAS KOMPLEKS PUSAT
ISLAM BERHAMPIRAN DENGAN MASJID
NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 6HB JULAI,
1973

Yang Berhormat Menteri-menteri dan saudara-saudara sekalian,

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat kesempatan hari ini untuk melakukan upacara meletak Batu Asas Kompleks Pusat Islam yang menjadi tempat pergantungan kita semua untuk menjadi menara yang akan memancarkan sinar Islam dengan gilang-gemilang ke seluruh Tanahair kita dan di seluruh kawasan dunia di sebelah sini.

Kompleks Pusat Islam ini akan merupakan bangunan yang akan melambangkan perkembangan Islam dan kebangkitannya semula di Negara kita ini, supaya ugama Islam itu dapat bersemarak dalam masyarakat Islam Negara kita dan dalam tiap-tiap hati dan jiwa umat Islam di Negara ioi.

Adalah menjadi cita-cita asal dari pembinaan Kompleks Pusat Islam ini supaya ia menjadi Pusat yang akan menempatkan Ibu pejabat Majlis Kebangsaan Hal ehwal Ugama Islam Malaysia dan juga menempatkan Pusat Penyelidikan Islam, Institiut Dakwah Islam bersekali dengan asramanya, dan Makhad Menghafaz Quran yang kelak akan menjadi Institiut Pengajian Al-Quran.

Saudara-saudara sekalian,

Untuk melancarkan dengan lebih laju lagi jentera kemajuan ugama dalam Negeri ini maka baru-baru ini dengan arahan saya, suatu kajian telah dibuat untuk memperkemaskan penyusunan jentera Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan semua badan-badan dan Institusi-institusi yang ada di bawahnya, dan saya percaya penyusunan semula ini, yang telah dimulakan pengkajiannya dari tahun lepas, akan membawa usaha yang lebih teratur, dan dinamis untuk perkembangan dan kemajuan Ugama Islam di Negara kita ini.

Suatu masaalah yang dihadapi oleh kita sekarang ini ialah untuk mendapatkan tenaga-tenaga ahli yang pakar dalam Islam mengenai

berbagai aspek, seperti tenaga-tenaga mubaligh dan pendakwah yang mahir, pensyarah-pensyarah, penyelidik dan pengarang-pengarang Islam yang berkalibar. Tenaga-tenaga itu sangatlah diperlukan sekarang ini untuk memenuhi tugas-tugas bagi melancarkan langkah-langkah memajukan pembangunan Ugama Islam di Negara kita ini. Pada masa ini usaha sedang diambil untuk mendapatkan tenaga-tenaga itu seberapa yang boleh, dan dengan itu adalah diharap bahawa jentera Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, dan segala badan-badan yang dibawahnya, dapat berjalan dengan lancar dan licin.

Adalah diharapkan bahawa tenaga-tenaga ugama yang berkali-bar itu adalah terdiri dari orang-orang yang penuh semangat keislaman, penuh dedikasi menjalankan tugas, dan akan dapat memikul beban mereka dengan sepenuh-penuhnya untuk mengembangkan ajaran Islam dan meninggikan sinar Ugama Allah, dengan tidak mengira masa bekerja dan penat lelah.

Masyarakat pada masa ini memerlukan satu revolusi pembaharuan dalam memajukan Ugama Islam sesuai dengan keadaan masa dan suasana yang ada, iaitu seperti sifat asli ugama Islam yang dinamis itu sendiri.

Saya suka juga menyeru sokongan daripada semua tenaga. dari semua golongan Umat Islam, bagi memperhebatkan gerakan kemajuan Ugama Islam, terutamanya gerakan dakwah, supaya dengan gabungan tenaga yang padu itu, maka kebangkitan dan kemajuan Islam dapat tercapai dengan sempurna.

Saya juga mengambil kesempatan ini sekali lagi menyatakan bahawa di samping mendirikan Kompleks Pusat Islam ini, saya telah mengarahkan semenjak dua tahun yang lalu untuk dipersiapkan susunan sebuah Yayasan Dakwah Islamiah, dan saya suka menyatakan di sini pada hari ini bahawa Yayasan Dakwah Islamiah itu akan lahir tidak berapa lama lagi dan saya akan melancarkannya ke pangkuan Umat Islam di Malaysia untuk didukung bersama, kerana Yayasan itulah yang akan menjadi jentera Pusat untuk menyelaras dan mengembangkan usaha-usaha Dakwah Islamiah di seluruh Negara.

Usaha-usaha ini semua adalah membuktikan bahawa Kerajaan Pusat adalah sangat serious dalam melaksanakan peruntukan dalam Perlembagaan, bahawa Ugama Islam ialah ugama rasmi bagi Negara kita ini.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana diketahui umum, antara usul-usul yang dimajukan oleh Perhimpunan Agong UMNO baru-baru ini ialah usul-usul berhubung dengan ugama iaitu supaya diperhebat penyibaran pengajaran Islam yang dinamis itu bagi memesatkan pembangunan Negara dan masyarakat, serta supaya diperhebatkan gerakan pembaharuan dakwah di kalangan Umat Islam dan bukan Islam, juga supaya diperbanyakkan pengeluaran karya-karya Ugama Islam yang bermutu untuk memenuhi kedahagaan masyarakat kita yang sedang membangun ini, dan saya percaya bahawa hasrat yang terkandung di dalam usul-usul yang amat baik bagi pembangunan Ugama itu, akan dapat disalurkan menerusi usaha-usaha yang akan dijalankan di bawah bumbung Kompleks Pusat Islam ini nanti.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga menyatakan di sini bahawa Kerajaan dan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam sentiasa menaruh minat yang besar untuk menghasilkan suatu susunan Undang-undang Nikah Cerai Islam yang lebih kemas dan teratur bersandarkan lunas-lunas Syarak yang Muktabar, dan mempunyai peraturan yang serupa bagi semua Negeri-negeri di Malaysia ini. Saya sukacita mendapat tahu bahawa Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam untuk mengkaji soal mengemaskan Undang-undang Nikah Cerai ini telah selesai membuat laporan permulaannya untuk dikaji oleh Majlis, dan kemudian akan digubal dengan teliti, setelah itu akan dirujuk kepada tiap-tiap Negeri untuk mendapat pertimbangan dan persetujuan Negeri-negeri itu, kerana kuasa ugama dan Perundangan Ugama adalah terletak di tangan Negeri-negeri dan limpah perkenan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja di tiap-tiap Negeri.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk meminta tiap-tiap Negeri di Malaysia menimbangkan syor-syor yang telah dikaji itu dan menerimanya dengan ikhlas, supaya Undang-undang Mengenai Nikah Cerai dapat diselaraskan di seluruh Malaysia sesuai dengan hukum Syarak dan sesuai pula dengan sifat Syarak yang suci itu, iaitu sentiasa sesuai dengan perkembangan masa dan keadaan.

Saudara-saudara sekalian,

Adalah menjadi harapan saya supaya menara Masjid Negara yang di samping kita ini dan kemuncak Kompleks Pusat Islam ini yang akan siap pembinaannya pada akhir tahun ini, akan bersama-sama mencakar langit Tanahair kita bersama-sama dengan bangunan-bangunan pencakar langit yang sedang tumbuh menunggak angkasa di Ibu Kota ini pada masa ini, sebagai melambangkan bahawa pembangunan Negara kita ini adalah pembangunan yang berlandaskan kepada dua landasan yang setimpal; iaitu pembangunan fizikal masyarakat dan pembangunan rohani umat; dan ini sesuai dengan ajaran doa yang diajarkan kepada kita oleh Allah di dalam Al-Quran supaya sentiasa memohon kepadanya,—"Rabbana atina fiddunya hasanah, wafilakhirati hasanah" yang bermaksud "Wahai Tuhan Kami berilah kami kebajikan di dunia dan berilah kami kebajikan di akhirat".

Barang diberkati Allah segala usaha kita untuk pembangunan Negara kita dan pembangunan ugama, mudah-mudahan kita sentiasa dipayungi oleh keredaanNya.